

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULA SEGARAN  
A/L MURUGESON [IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 16 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [ Ipoh Barat ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) berapakah jumlah wang yang diperuntukkan untuk penyelidikan dan perunding-perunding dalam dan asing untuk membuka semula kes Pedra Branca terhadap Singapura; dan

(b) apakah maklumat terkini mengenai kes ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.